



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PERLIS

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735
04-9762657/9762744
Faks : 04-9762668
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.Ps(A)0050 ()
Tarikh : 15 Oktober 2025

PERINGATAN

**Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis**

Senarai edaran seperti di Lampiran I

Tuan/Puan,

PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT BAGI BULAN SEPTEMBER 2025

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5 Tahun 2023 - Tatacara Pengurusan Bayaran iaitu Lampiran K, Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan.**

2. Berdasarkan kepada **SPANM 5/2023** telah digariskan dengan jelas peraturan dan tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai penyelenggaraan dan semakan laporan persekitaran iGFMAS bagi memastikan peruntukan tanggungan perbelanjaan yang diluluskan dikemaskini dengan betul dan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada Unit Akaun, JANM Perlis **dalam tempoh 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya.**

3. Walau bagaimanapun, semakan mendapati jabatan/PTJ tuan/puan masih belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi bulan **September 2025.**

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dikehendaki untuk menghantar Sijil Pengesahan Baki **dalam tempoh 7 hari daripada tarikh surat ini dikeluarkan.** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Puan Aida Marhaini binti Rahmat** di talian **04-9762766.** Kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NURATIQA ATHIRAH BINTI SUHAIMI)

Timbalan Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis